

Kenyataan Tender Bil. 22/2026

Tarikh Iklan : 20 Julai 2026 (Isnin)

Datuk Bandar Kuala Lumpur mempelawa kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam Kod Bidang yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut :-

BIL. TENDER	BUTIR-BUTIR TENDER DAN HARGA DOKUMEN	KELAYAKAN PETENDER	TARIKH TENDER DIBUKA DAN TENDER DITUTUP
2026/A057	Cadangan Kerja – Kerja Pengisaran Dan Penurapan Semula Jalan Serta Kerja Infrastruktur Awam Di Jalan – Jalan Utama Dan Jalan – Jalan Protokol Dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Untuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Harga Dokumen: RM1,000.00	Berdaftar Dengan CIDB Gred : G7 Kategori : CE Pengkhususan : CE01 Dan CE21	<u>Tarikh Tender Dibuka</u> 20 Julai 2026 (Isnin) <u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u> 6 Ogos 2026 (Khamis)

1. Bagi pembelian dokumen tender, petender atau wakil hendaklah mendaftar **terlebih dahulu secara atas talian** di laman sesawang eperolehan.dbkl.gov.my. **Petender hendaklah memastikan sijil yang didaftarkan di e-perolehan DBKL masih berkuatkuasa semasa memohon tawaran. Penjualan dokumen tender dijalankan secara atas talian sahaja.**
2. **Pendaftaran kontraktor secara atas talian perlu disahkan terlebih dahulu di dalam portal rasmi eperolehan.dbkl.gov.my**
3. Berkuatkuasa serta – merta keperluan Sijil Pematuhan Cukai (**Tax Compliance Certificate - TCC**) **yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berstatus 'PATUH'** adalah dokumen wajib untuk dipatuhi oleh setiap kontraktor
4. **Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan**
5. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor Tender dan tajuk kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender tersebut di **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
6. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.
7. Untuk keterangan lanjut sila layari portal rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (www.dbkl.gov.my) dan laman sesawang eperolehan DBKL (eperolehan.dbkl.gov.my).

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Tarikh Iklan : 20 Julai 2026 (Isnin)

Laman Sesawang : www.dbkl.gov.my